

22 JUL 1999

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari ke Kelantan.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini pada pukul 11.20 pagi.

Ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang disambut oleh Tengku Razaleigh Hamzah selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Turut menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa, Menteri Kewangan Kedua dan juga Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali, pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan ketua-ketua Umno bahagian.

Dr Mahathir dan Isteri selepas itu menaiki sebuah kereta menuju ke Istana Negeri di Kubang Kerian untuk mengadap Sultan Kelantan dan menghadiri jamuan makan tengah hari.

Pada pukul 3 petang, Perdana Menteri akan menghadiri perjumpaan dengan Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno dan BN negeri serta menyerahkan bendera BN kepada ketua-ketua Umno bahagian di Hotel Diamond Puteri di sini.

Perdana Menteri akan menyempurnakan upacara pecah tanah bagi pembinaan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada pukul 5.15 petang dan menghadiri majlis makan malam bersama pegawai-pegawai kerajaan negeri, persekutuan dan pemimpin masyarakat di Hotel Diamond Puteri pukul 8 malam.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Kelantan di pejabat perhubungan Umno negeri pukul 8.30 pagi, manakala Dr Siti Hasmah melawat rumah Sri Kenangan, Taman Kemumin di Pengkalan Chepa.

Perdana Menteri dan isteri dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 11 pagi esok.

-- BERNAMA

MNR/BD RI